

Umno Selangor mahu Akta Hasutan terhadap penyebar gambar SK Pristina di Facebook

Malaysian Insider

July 30 , 2013

Oleh Md Izwan

Pengerusi Perhubungan Umno Selangor, Datuk Seri Noh Omar yang melawat Sekolah Kebangsaan Seri Pristana hari ini menggesa pihak berkuasa mengambil tindakan ke atas penjaga murid yang mecetuskan isu makan di tandas di bawah Akta Hasutan.

Noh mengecam tindakan ibu bapa terbabit yang mengeluarkan kenyataan tidak tepat tanpa melakukan soal selidik terlebih dahulu, penggunaan bilik persalinan itu kerana kantin yang terlalu kecil.

"Kalau ibu bapa ada masalah, boleh rujuk kepada PIBG, bukan besarkan isu seperti ini.

"Ibu bapa terbabit baru pindah ke sekolah ini seminggu lalu dan mahu tunjuk pandai. Sudah tentu dia tidak tahu apa-apa," kata Noh dalam sidang media di kantin SK Seri Pristana yang menyatakan penggunaan bilik persalinan itu bermula sejak Mac lalu.

Noh kemudian diberitahu bahawa guru besar Mohamad Nasir Mohd Noor membuat laporan polis terhadap penjaga yang memuat naik gambar dalam laman Facebook kerana cuba mencetuskan ketegangan.

"Saya minta polis siasat laporan yang dibuat oleh guru besar, sekiranya tindakan boleh diambil di bawah Akta Hasutan," katanya.

Noh berkata, beliau akan menghantar surat kepada balai polis Seri Saujana, tempat guru besar membuat laporan polis, supaya siasatan dilakukan dengan segera ke atas penjaga terbabit.

"Saya akan hantar surat kepada pihak polis untuk menyiasat perkara ini," katanya.

SK Seri Pristana memiliki seramai 1,373 pelajar, manakala pelajar bukan Islam ialah 32 orang.

Dalam sidang media sama, Noh juga mengumumkan pemberian dana bantuan sebanyak RM20,000 kepada sekolah yang ketika ini dalam proses pembesaran kantin sekolah. - 30 Julai, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/umno-selangor-mahu-akta-hasutan-terhadap-penyebar-gambar-sk-pristina-di-fac>